

'Saya tak maafkan suami'

Menteri Besar Terengganu sebak lihat keadaan anak mangsa

Berita Harian 17/08/2010 M/S 9

Oleh Hanneeyzah
Bariah Baharin
hanneeyzah@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: "Saya tidak akan maafkan perbuatannya sampai bila-bila. Apa yang dilakukannya kepada saya dan anak terlalu kejam. Malah, Nurul Dahyatul Fazlinda, 8, juga memberitahu dia tidak sayangkan ayahnya lagi," kata Che Ku Zaimah Che Ku Awang, 28, yang menjadi mangsa simbahan asid oleh suaminya dalam kejadian amuk di Kampung Sekayu, Hulu Terengganu, awal pagi kelmarin.

Katanya, kejadian malang itu juga menyebabkan anak bongsunya, Muhammad Irfan Firdaus, 2, yang turut cedera di muka, sering menangis dan merengek kerana tidak dapat menyusu badan berikutan takut melihat keadaan diri dan wajahnya yang berubah akibat cedera disimbah cuka getah, sehingga anak kecil itu hanya diberi minum susu soya kotak.

Che Ku Zaimah yang menangis melihat keadaan anak keduanya, Nurul Dahyatul Fazlinda yang cedera teruk-terkena simbahan asid, kini sudah boleh bercakap, tetapi keadaannya masih serius dengan muka membengkak dan tidak berupaya bercakap dengan baik.

Dia yang bekerja menjual sayur di pasar di Kuala Berang untuk menanggung ke-



AHMAD bertanyakan sesuatu kepada Nurul Dahyatul Fazlinda yang parah di muka akibat disimbah asid oleh bapanya sambil diperhatikan oleh Che Ku Zaimah di HSNZ, semalam.

uarga, berkata suaminya sebelum ini seorang juruselam di Pelabuhan Klang, tetapi selepas terbabit kemalangan kira-kira setahun lalu di kampungnya di Hulu Terengganu, dia tidak lagi bekerja selepas itu.

"Saya mengetahui suami menasih dadah sebelum mendirikan rumah tangga 10 tahun lalu. Sebenarnya, Nurul Dahyatul Fazlinda sangat rapat dengan ayahnya sejak kecil, tetapi hubungan itu renggang sejak suami tidak bekerja.

"Kejadian ini menambah kekuatan saya untuk mene-

ruskan perceraian kami. Saya tidak boleh menerimanya lagi kerana tragedi ini paling memilukan, apatah lagi ia turut menyebabkan anak saya gelap masa depan," katanya.

“ Saya tidak boleh menerimanya lagi, apatah lagi ia turut menyebabkan masa depan anak saya gelap**”**

Che Ku Zaimah
Che Ku Awang
Mangsa

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said yang meluangkan bersama isteri, Toh Puan Seri Norliza Mahmud menziarah mangsa di Wad Rawatan Kebakaran Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, semalam menangis melihat keadaan mangsa.

Sambil menyifatkan tidak dapat membayangkan perlakuan kejam seorang suami dan bapa terhadap keluarganya, Ahmad berkata, kerajaan negeri sedia mengulurkan bantuan bagi membantu meringankan bebanan keluarga mangsa.